



فِرْتُوْبِرْهَنْ سِلَاتِ سِنِيْ كَايُوْنِغْ مَلِيْسِيَا

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

PPM-010-04-09042013

Pencipta dan Pengasas :
Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim, DPCM
(Pendaftaran terdahulu : ROS 361/1963, APSO 149/98)

PSSGM/01/04/(06)/2025

3hb Mei 2025 | 5 Zulkaedah 1446H

INSTITUT SILAT SENI GAYONG (ISG)

PT 5054, KOMPLEKS PERNIAGAAN SAIDINA ALI, KOK LANAS, 16450 KOTA BHARU, KELANTAN

institutssg@gmail.com

Tuan,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KEBENARAN MEMBANGUNKAN LANDING PAGE "FILEM GAYONG 2025"

Dengan segala hormatnya perkara diatas dirujuk. Sukacita Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) bekerjasama dengan pihak penerbit SOL Picture bagi tayangan filem GAYONG. Pihak penerbit bersetuju memberi rebat tunai (10%) kepada PSSGM bagi setiap pembelian tiket filem GAYONG untuk lima hari pertama tayangan iaitu 7,8,9,10,11 Mei 2025 diseluruh pagawam tanahair.

2. Bagi tujuan pengendalian urusan rebat tunai ini, pihak PSSGM telah bersetuju melantik Institut Silat Seni Gayong (ISG) bagi membangunkan landing page "FILEM GAYONG 2025" (<https://filem.egayong.com/>). Landing page ini digunakan bagi mengumpul segala maklumat yang diperlukan bagi urusan berkenaan diantara PSSGM, SOL PIC dan pihak yang terlibat (pembeli ticket).

3. Syarat dan terma rebat tunai ini adalah seperti berikut:

- Nilai rebat tunai (cash back) tertakluk kepada cukai/duti hiburan sebanyak 20%, yang akan ditolak daripada jumlah rebat yang ditawarkan.
- Rebat hanya layak dituntut untuk pembelian tiket pada tarikh 7 hingga 11 Mei 2025 sahaja, dan hanya sah di pawagam yang menayangkan filem GAYONG.
- Pembelian mestilah dibuat secara pukal dalam satu resit atau dikumpulkan, dengan jumlah minimum 30 tiket.
- Untuk membuat tuntutan, anda perlu muat naik bukti pembelian seperti:
 - Resit rasmi pembelian tiket/pawagam
 - Keratan tiket yang ada siri nombor yang jelas atau tidak terkeliru.
 - Hantar nama ahli (nama penuh dan nombor IC serta no. Keahlian Gayong dari mana2 pendiri Gayong ke dalam landing page rasmi "FILEM GAYONG 2025" di pautan berikut: <https://filem.egayong.com>
- Semua transaksi rebat tunai akan disalurkan oleh PSSGM kepada akaun rasmi PENDIRI GAYONG (pertubuhan negeri, kelab, akademi atau pusat latihan sahaja). Pembayaran ke akaun peribadi individu adalah tidak dibenarkan.

4. PSSGM juga memberi kebenaran kepada ISG untuk membuat jualan t-shirt kepada semua ahli PSSGM / anak Gayong sepanjang promosi rebat ini dijalankan.

Sekian, harap maklum.

LT. JEN DATO PAHLAWAN MOHD RAZIF BIN HJ IDRIS (B)

Yang DiPertua

Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia.



Pejabat urusan PSSGM:
No 2338, Lot 114, Jalan Besar,
78300 Masjid Tanah, Melaka.



Email: pssgm@gayong.com.my
Web: www.gayong.com.my